

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]**

**TARIKH : ISNIN, 8 JUN 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah nilai harta pusaka orang Islam dan bukan Islam yang tidak diselesaikan di seluruh negara sehingga tahun 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terdapat 3 agensi yang terlibat di dalam pengurusan harta pusaka mengikut bidang kuasa masing-masing iaitu Mahkamah Tinggi melalui Akta Probet dan Pentadbiran 1959 , Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Amanah Raya Berhad melalui Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995.

Dalam prosedur pengurusan pembahagian harta pusaka kecil di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 melalui JKPTG, prosedur yang dilaksanakan tidak diasingkan mengikut agama simati. Pihak jabatan hanya mempunyai rekod penyelesaian kes bagi kes yang dimohon untuk dibuat pembahagian sahaja, manakala sekiranya waris simati tidak mengemukakan permohonan pembahagian (iaitu tidak diselesaikan) pihak jabatan tiada rekod mengenainya. Justeru, JKPTG telah mengambil inisiatif dalam membuat program-program 'turun padang' dan promosi bagi memupuk kesedaran di kalangan waris agar bersegera membuat permohonan pembahagian pusaka sebaik berlaku kematian pemilik harta/tuan tanah.

Rekod penyelesaian pembahagian harta pusaka kecil JKPTG bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

<b>Baki Tahun 2013</b>	<b>Kes Terima 2014</b>	<b>Selesai Tahun 2014</b>	<b>Baki Berakhir 31 Disember 2014</b>
<b>26,862</b>	<b>58,667</b>	<b>56,282</b>	<b>29,257</b>

Sekian, terima kasih